

Bagi mencapai Dasar Ekonomi Baru

'Strategi bantu Bumiputera sedang disusun'

TIMBALAN Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Haji Mahyuddin bin Haji Mohd Yasin menegaskan kerajaan sedang menyusun strategi ekonomi dengan memberikan pendekatan baru kepada Bumiputera bagi memastikan kesannya terhadap pencapaian Dasar Ekonomi Baru.

Katanya, pendekatan baru diperkenalkan bukan semata-mata bentuk bantuan, galakan atau peluang-peluang perniagaan yang boleh disertai oleh kaum Bumiputera tetapi dengan cara memberikan maklumat niaga yang didapati dari dalam dan luar negeri.

Bellau menjelaskan demikian ketika berucap merasmikan mesyuarat perwakilan Pergerakan Pemuda Umno Hillr Perak di pekan Cenderung Balai, dekat sini, petang semalam.

Encik Mahyuddin berkata,

TELUK INTAN, Ahad.

kejayaan dan pencapaian Dasar Ekonomi Baru tidak bergantung semata-mata dengan bantuan dan galakan kerajaan tetapi yang pentingnya cara pemikiran serta perubahan sikap individu Bumiputera sendiri.

"Bagi mencapai tujuan ini perubahan sikap kepada yang positif, penerimaan teknologi

moden dan kesungguhan bekerja akan menjadi ukuran kepada matlamat kerajaan membasmi kemiskinan rakyat luar bandar," tegasnya.

Katanya, usaha-usaha memperjuangkan ekonomi ke tahap lebih tinggi memerlukan kerjasama dari semua pihak terutama para pemimpin Umno semua peringkat kerana ia merupakan satu penentuan ke atas kejayaan Dasar Ekonomi Baru.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia